

Vaksin secara *walk-in* mulai esok

(1 Ogos 2021) Sinar, P2

Penduduk dewasa di Lembah Klang boleh berbuat demikian di PPV terpilih.

KUALA LUMPUR



KHAIRY

Semua orang dewasa di Lembah Klang akan menerima vaksin menerusi operasi vaksinasi tanpa janji temu (*walk-in*) di beberapa pusat pemberian vaksin (PPV) terpilih mulai esok.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, vaksinasi secara tanpa janji temu itu dimulakan di Lembah Klang, setelah Operasi Lonjakan Kapasiti Vaksinasi di Lembah Klang berakhir hari ini.

“Operasi vaksinasi secara *walk-in* akan dibuka mengikut kategori pada 2 Ogos, bermula dengan mereka yang berumur 40 tahun ke atas dan golongan komorbiditi.

“Pada 5 Ogos, kita akan buka kepada semua yang berumur 18 tahun ke atas,” katanya kepada pemberita selepas meninjau Program Vaksinasi Warganegara China di sini pada Sabtu.

Menurutnya, kaedah pelaksanaan vaksinasi secara tanpa janji temu di Lembah Klang akan diumumkan melalui kenyataan media Pasukan Petugas Khas



Imunisasi Covid-19 (CITF) dalam waktu terdekat.

Bagi mengelakkan penularan berita palsu, beliau mengingatkan orang ramai bahawa bukan semua PPV menerima vaksinasi tanpa janji temu mulai 2 Ogos ini.

“CITF akan umumkan senarai PPV. PPV mana yang dibuka (untuk vaksinasi tanpa janji temu).

“Jangan anggap bahawa semua PPV (di Lembah Klang) dibuka untuk *walk-in*,” kata beliau.

Khairy berkata, maklumat daripada aplikasi WhatsApp yang mengatakan bahawa ada PPV memberikan vaksin tertentu, adalah tidak betul.

Katanya, kaedah pemberian vaksin secara tanpa janji temu adalah secara *first come first serve* bergantung kepada kapasiti PPV.

“Jadi kita akan maklumkan kepada mereka yang datang ke PPV yang dibuka untuk vaksinasi tanpa janji temu berapa ramai atau berapa kapasiti vaksinasi tanpa janji temu pada satu-satu hari,” katanya.

Ujar beliau, mereka yang ti-

SENARAI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV)

Vaksinasi *walk-in*

WARGANEGARA 2-22 OGOS

1. Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), HCO F
2. Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), HCO G
3. Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), HCO H
4. Bangi Avenue Convention Centre (BACC)
5. Hotel Wyndham, Klang
6. Dewan Tun Razak, Sabak Bernam
7. Dewan Komuniti Serendah
8. Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA, Sepang
9. Ideal Convention Centre, Shah Alam (IDCC)

BUKAN WARGANEGARA 9-22 OGOS

1. Stadium Nasional Bukit Jalil

vaksinCovid.gov.my

LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.



JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES
BEKALAN VAKSIN COVID-19 (JKJAV)

dak dapat divaksinasi akan diberi keutamaan pada keesokan hari.

Tambahnya, pelaksanaan vaksinasi secara tanpa janji temu di Lembah Klang adalah untuk mereka yang belum mendapat janji temu atau yang pernah membatalkan

kan janji temu atau yang belum mendaftar untuk vaksin.

“Kami yakin, menjelang Ahad, 99 peratus daripada dewasa di Lembah Klang yang mendaftar (untuk vaksin) akan dapat janji temu,” kata beliau.